

# Duit raya, rumah terbuka usah sampai membebankan



**Latifah Arifin**

latifah@bh.com.my

Banyak salah faham terhadap sambutan Syawal dalam masyarakat kerana ramai mudah terikut-ikut atau terpengaruh dengan aliran semasa hingga kepentingan atau tuntutan agama diketepikan.

Secara tidak langsung makna Aidilfitri tidak dapat dihayati secara zahir dan batin, bahkan hari kemenangan tidak mencapai matlamat bertepatan syarak untuk mengecapi kegembiraan bukan sahaja di dunia, tetapi di akhirat kelak.

Dalam konteks hari ini, ada menyifatkan hari raya hanya untuk menghiburkan kanak-kanak, iaitu masa terbaik untuk mereka mengutip duit raya, melaram dengan pakaian baharu dan berseorok dengan bermain bunga api serta mercun.

Golongan dewasa, terutama ibu bapa pula ada yang cuai dalam meniupkan roh Syawal kepada anak kecil ini sehingga mereka ga-

gal menyambutnya bersama dengan nilai keagamaan.

Antara isu lain, wujud masyarakat yang terlalu teruja dengan fenomena rumah terbuka tanpa melihat sejauh mana konsep ini bertepatan dengan ajaran Islam.

## Duit raya satu sedekah

Pensyarah Kanan P'jaz al-Quran Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman, berkata amat penting untuk mendidik anak supaya tidak terlalu obses mengumpul duit raya sehingga ada antara mereka yang ziarah dari rumah ke rumah hanya untuk tujuan sedemikian.

"Walaupun memberi sedekah amat digalakkan pada hari raya, terutama kepada kanak-kanak miskin, mereka sewajarnya dididik berziarah bukannya untuk mendapatkan duit raya semata-mata agar tidak timbul sikap membeza-bezakan rumah dalam melakukan kunjungan.

"Ada pandangan menyatakan adat memberi duit raya berasal dari amalan tradisi kaum Cina, hingga tidak seharusnya menjadi ikutan dalam masyarakat Islam.

"Sekiranya dakwaan itu betul, tidak bermakna umat Islam dilarang mengamalkannya kerana syarak mengiktiraf adat yang baik dilakukan oleh sesuatu masyarakat," katanya.



Amalan pemberian duit raya boleh diteruskan sebagai kesinambungan kepada amalan sedekah yang dilakukan pada Ramadan. Pada masa sama, kanak-kanak juga perlu dididik agar tidak mengunjungi dan menziarahi rumah jiran tetangga semata-mata untuk mendapatkan duit raya"

**Mohd Sukki Othman,**  
Pensyarah Kanan P'jaz  
al-Quran UPM

Menurutnya, terdapat kaedah fiqh yang menyatakan asal pada adat itu adalah harus sekiranya tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Pemberian duit raya adalah adat yang tidak bercanggah dengan Islam kerana ia berkonsepkan memberi sedekah dan hadiah bagi menghiburkan orang lain, terutama kanak-kanak.

Namun, tidak wajar ia diangkat sebagai adat yang wajib sehingga membebankan golongan kurang berkemampuan.

"Amalan pemberian duit raya boleh diteruskan sebagai kesinambungan kepada amalan sedekah yang dilakukan pada Ramadan.

"Pada masa sama, kanak-kanak juga perlu dididik agar tidak mengunjungi dan menziarahi rumah jiran tetangga semata-mata untuk mendapatkan duit raya," katanya.

Budaya ini juga boleh menjadi kurang sihat sekiranya kanak-kanak yang ghairah mengutip duit raya memilih untuk menziarahi kediaman golongan kaya dan bersikap meminggirkan kelompok miskin kerana berharap kepada habuan besar.

Mohd Sukki turut mengulas amalan mengadakan rumah terbuka dengan menyifatkannya selari dengan amalan ziarah-menziarahi pada hari raya yang men-

jadi tradisi dan disyariatkan dalam Islam.

Bagaimanapun, amalan ini sedikit tercalar kerana dalam situasi tertentu kerana ada rumah terbuka yang dibuat hanya menjemput golongan tertentu sehingga mengakibatkan amalan ziarah tidak berkembang secara menyeluruh.

## Amalan ziarah-menziarahi

"Sesetengah orang tidak menziarahi rakan taulan melainkan selepas dibuat rumah terbuka hingga seolah-olah amalan itu tertakluk kepada adanya rumah terbuka.

"Sedangkan apa dikehendaki Islam ialah amalan ziarah-menziarahi hendaklah dilakukan bagi menghubungkan silaturahim dan hubungan erat dalam kalangan umat Islam walaupun tanpa rumah terbuka," katanya.

Beliau berkata, apa yang lebih penting ialah amalan saling ziarah-menziarahi antara satu sama lain seperti menziarahi orang tua, saudara-mara, kaum kerabat, jiran, guru dan sahabat-handai dilakukan tanpa batasan tertentu seperti menunggu sehingga pengumuman rumah terbuka.

Sebaiknya, amalan berkunjung ini dilakukan sepanjang masa demi mengukuhkan ikatan ukhuwah dan persaudaraan.